

# Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289  
Safar / Rabiulawwal 1441 — Oktober 2019  
BIL: 16 / 2019



## Halalkah Cuka Alami yang Anda Makan?

Pengurusan  
Emosi  
Marah

Bicara  
Pengurusan  
Harta

Wacana  
Ihya'  
Ramadan

Program Islamic Business Interactive Game  
Tournament (i-BIGT)

Puisi "Pensyarah &  
Penulisan"

# Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin  
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari  
(Ketua Pusat Pengajian Acis )

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

**Sidang Pengarang:**

Shahril Anuar Abdul Ghalim  
Nurul Nisha Mohd Shah  
Muhammad Noor Bin Hussin  
Nurul Amrina Binti Mohd Yazid  
Nadya Binti Hajar  
Nurul Azlin Tokiman  
Athira Ayuni Binti Asmadi

**PENERBIT**

UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1,  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk  
menghantar sebarang artikel  
atau komen, boleh email ke  
[bulletin.acis.n9@gmail.com](mailto:bulletin.acis.n9@gmail.com)  
[muallim@ns.uitm.edu.my](mailto:muallim@ns.uitm.edu.my)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keduapuluh satu atau siri keenambelas yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Halalkah Cuka Alami yang Anda Makan?*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

## *Isi Kandungan*

- ⇒ Pengurusan Emosi Marah ( 3 )
- ⇒ Bicara Pengurusan Harta ( 7 )
- ⇒ Wacana Ihya' Ramadan ( 10 )
- ⇒ Halalkah Cuka Alami yang Anda Makan? ( 12 )
- ⇒ Program Islamic Business Interactive Game Tournament (i-BIGT) ( 15 )
- ⇒ Puisi " Pensyarah & Penulisan" (16)

## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan  
sebulan sekali

# Pengurusan Emosi Marah

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghalim & Nurul Nisha Mohd Shah

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Mediia Kampus Rembau)



Sebagai seorang manusia yang normal, kita tidak akan terlepas daripada mengalami pelbagai jenis emosi seperti gembira, sedih, kecewa, marah dan sebagainya. Emosi ini sebenarnya dibawa oleh perasaan yang dipendam dan terbuku dari dalam dalam hati. Sebagai manusia biasa, setiap hari kita akan berdepan dengan pelbagai jenis emosi. Dan untuk kali, penulis akan berkongsi tentang emosi marah.

Ahli psikologi memberikan banyak pandangan apabila menyentuh tentang emosi marah. Antaranya ialah marah merupakan suatu perubahan dalam diri atau emosi yang dibawa oleh kekuatan

dan rasa dendam yang tinggi. Menurut C.P Chaplin, marah adalah satu reaksi emosional yang timbul akibat daripada terdedah pada situsi yang meransang, termasuklah ancaman, agresif lahiriah, pengekangan diri, serangan lisan dan kekecewaan yang melampau.

Emosi marah merupakan satu refleksi yang ditunjukkan oleh seseorang apabila ia tidak mencapai motif atau matlamat yang ingin diraih. Ia juga merupakan reaksi berlebihan yang disebabkan gagalnya satu usaha atau perbuatan. Marah juga merupakan pernyataan agresif, perlakunya bukan hanya mengganggu orang yang dimarahi

bahkan orang yang berada disekitarnya.

Walaupun emosi marah ini sering ditunjukkan sebagai sifat yang negatif, namun ia merupakan satu perasaan yang sangat penting yang perlu ada dalam diri setiap insan bernama manusia. Hal ini kerana ia dapat membangkitkan gelora perjuangan dan semangat pengorbanan dalam membela kebenaran, menegakkan keadilan dan seterusnya meraih kemenangan. Sifat ini amat penting terutamanya dalam membela aqidah dan memperjuangkan keimanan, memelihara jiwa raga, harta benda dan kehormatan diri dan agama. Ternyata, barangsiapa yang telah kehilangan sifat ini maka dia akan menjadi bahan ejekan dan hinaan oleh orang lain.



### Punca-punca terjadinya marah

**Imam Al-Ghazali** menyatakan bahawa terdapat 10 punca utama yang boleh menyebabkan emosi marah.

- 1)Rasa bangga diri (sombong)
- 2)Takjub kepada peribadi sendiri
- 3)Suka bergurau senda berlebih-lebihan dan melampaui batas
- 4)Gemar bercakap perkara sia-sia
- 5)Suka membuat fitnah
- 6)Suka berbantah-bantah dalam sesuatu perkara
- 7)Khianat
- 8)Tamak kepada harta dan pangkat
- 9)Sering mengikuti nafsu dan perasaan dengki
- 10)Iri hati dengan nikmat orang lain

## **Tips Menguasai Emosi Marah**

Dr Taylor, seorang penyelidik dan penulis buku *My Stroke of Insight* menyatakan bahawa apabila kita ditekan secara emosi, ia mengambil masa kurang dari 90 saat untuk emosi itu dipacu, melonjak secara kimia melalui aliran darah dan kemudiannya dipancarkan. Emosi sebenarnya sangat tergesa-gesa (rush) dan akan dibuang (flush). Ia sebenarnya tidak akan kekal di dalam tubuh manusia dan akan dikeluarkan. Begitu juga dengan emosi marah. Kita tidak boleh sekadar memendam emosi tersebut kerana ia akan menyebabkan timbulnya masalah dalaman yang lain seperti dendam, kemurungan dan sebagainya. Namun itu tidak bermakna kita boleh meluahkan rasa marah sesuka hati. Emosi marah yang tidak dikawal dengan baik boleh menyebabkan seseorang itu melakukan tindakan yang tidak rasional.

Berikut merupakan antara cara terbaik dalam menguasai dan mengawal emosi marah.

- 1) Sentiasa dalam keadaan berwuduk, berzikir dan istighfar. Emosi marah ini sebenarnya daripada syaitan untuk menyesatkan manusia, melencengkan pemikiran daripada berterusan mengingati Allah dan memutuskan silaturrahim. Mereka yang sentiasa mengingati Allah akan dapat mengawal emosinya walau apa keadaan sekalipun.
- 2) Jika ada keadaan yang mencetuskan emosi marah maka segera untuk tanya pada diri sendiri;
  - i) Apakah yang membuatkan aku marah? (Faktor manusia atau keadaan)
  - ii) Jika manusia – apakah yang menyebabkan dia bertindak sedemikian? (wujudkan rasa empati)
  - iii) Jika keadaan – apakah yang menyebabkan keadaan menjadi seperti itu? (letakkan diri dalam keadaan fikiran waras)
  - iv) Adakah dengan beremosi marah akan dapat memberikan keuntungan? Atau sekadar menyakitkan hati orang lain?

- 3) Sentiasa sedar bahawa orang yang sedang marah adalah orang yang memamerkan kelemahan dan kebodohnya. Sedangkan dia tidak mampu mengawal diri sendiri, apatah lagi menjadi pemimpin kepada orang lain.
- 4) Jangan terlalu serius sewaktu berdepan dengan sesuatu perkara. Keadaan yang serius akan menyebabkan diri akan sentiasa berada dalam keadaan tertekan. Hadapi setiap perkara yang datang dengan senyuman. Katakan kepada diri, "Apakah yang Allah sedang ajarkan kepada aku dengan mendatangkan situasi seperti ini?"
- 5) Sentiasa mohon pertolongan Allah walau apa juga keadaan. Berserah kepada Allah, kerana tiada satu pun perkara yang terjadi di dunia ini tanpa izin-Nya.

Oleh itu, emosi marah ini bukanlah sesuatu yang negatif sehingga kita perlu menidakkannya. Namun, ia perlu dikuasai dan dikawal dengan baik agar dapat membantu meledakkan potensi sebenar dalam diri yang seterusnya dapat membangunkan modal insan terbaik.



# Bicara Pengurusan Harta

Oleh : Muhammad Noor Bin Hussin  
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Rembau)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan kampus Rembau telah mengambil inisiatif mengadakan Program Bicara Pengurusan Harta Islam. Program ini bertujuan untuk melengkapkan proses pembelajaran pelajar-pelajar yang mengambil subjek Asas Ekonomi Islam & Fundamentals of Islamic Banking.

Justeru, program ini sebenarnya mampu membuka mata masyarakat Islam khususnya bagi mengetahui bahagian-bahagian harta pusaka yang boleh diwarisi oleh waris. Bicara Pengurusan harta diadakan pada 18 April 2019 bersamaan hari Khamis di DK 200. Antara tema dalam program ini ialah hibah, wasiat dan faraid. Justeru terdapat beberapa objektif yang



Di samping itu, program ini juga turut dihadiri oleh pensyarah-pensyarah UiTM Kampus Rembau. Pelbagai manfaat yang telah diperolehi oleh pelajar-pelajar dan pensyarah antaranya ialah mengetahui konsep hibah dan wasiat yang merupakan perkara penting dalam Islam untuk memberikan harta kepada waris dalam kadar melebihi daripada faraid.

ingin diketengahkan bagi pengurusan harta Islam iaitu mengaplikasi ilmu pengetahuan berdasarkan teori yang telah dipelajari oleh mahasiswa dalam subjek Asas Ekonomi Islam (CTU241) & Fundamentals of Islamic Banking (CTU351) dan memberi pendedahan kepada staf UiTM berkenaan pilihan-pilihan kaedah pengurusan harta yang digariskan dalam Islam.

Program bicara pengurusan harta Islam ini merupakan aktiviti yang diadakan pada minggu kuliah ke-8 (minggu WWW) di Kampus Rembau. Majoriti daripada peserta program kuliah pengukuhan CTU 241 dan CTU 351 ini memberikan maklum balas positif diakhir program kerana mereka mendapat banyak perkongsian mengenai hibah, wasiat dan faraid yang sangat baru dalam kehidupan pelajar. Para peserta mengetahui bahawa pengurusan harta Islam sangat penting kepada masyarakat terutamanya kepada mereka yang tidak mempunyai waris. Selain itu, majoriti pelajar juga memahami kepentingan wasiat sebelum si mati meninggal kerana wasiat adalah sesuatu yang wajib ditunaikan. Kekuatan program ini adalah daripada segi penyampaian penceramah yang jelas dan bersifat menyeluruh dalam menerangkan pengurusan harta dalam Islam.

Penceramah jemputan didatangkan khas daripada Unit Manager MI Fa Caliph Agency My Angkasa Amanah Berhad iaitu Encik Mohd Farid Bin Manap. Program Bicara Pengurusan Harta untuk kuliah pengukuhan CTU 241 dan CTU 351 ini adalah satu program yang memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar serta pensyarah mengenai konsep hibah dan wasiat terutamanya. Kefahaman ini perlu diperluaskan kepada umat Islam khususnya untuk menguruskan harta mereka supaya tiada perbalahan apabila sesuatu perkara terjadi ke atas diri mereka dan keluarga. Justeru, konsep faraid perlu diperluaskan kepada semua masyarakat agar masyarakat dapat memahami dengan lebih holistik dan tidak menuding jari sesama sendiri bagi merebut harta sesama saudara.



Antara cadangan penambahbaikan untuk program pengurusan harta pada masa akan datang adalah mengambil penceramah yang lebih mesra dengan pelajar. Selain itu, pelajar-pelajar juga mempunyai kekangan untuk menghadiri program ini walaupun diadakan pada minggu www disebabkan terdapat sesetengah pensyarah yang mengadakan kelas pada masa tersebut. Oleh yang demikian, kerjasama daripada semua pensyarah juga sebenarnya harus dititikberatkan bagi memberi laluan bagi program seperti ini dibudayakan kepada pelajar kerana program pengurusan harta sangat sukar untuk didapati di luar malah ia merupakan satu bonus kepada pelajar apabila Akademi pengajian Islam Kontemporari menganjurkan program ini untuk mendedahkan pelajar kepada sistem-sistem pengurusan harta dalam



Islam.

Akhir sekali, program ini mendapat sambutan daripada pelajar-pelajar yang mengambil kursus CTU 241 dan CTU 351 dengan peratusan kehadiran 70% dalam kalangan pelajar tersebut. Walaupun pelbagai mehnah dan cabaran seperti mempunyai kelas dan assignment untuk disiapkan namun perkara tersebut tidak mematahkan semangat mereka untuk menimba ilmu pengetahuan. Semoga ilmu yang telah mereka perolehi disebarluaskan kepada keluarga dan masyarakat supaya pengurusan harta Islam dapat diwarwarkan kepada masyarakat khususnya.



# Wacana Ihya' Ramadan

Oleh : Nurul Amrina Binti Mohd Yazid  
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Rembau)

Pihak Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau mengambil inisiatif untuk mengadakan Wacana Ihya' Ramadhan pada 6 Mei 2019 bertempat di DK 200 bertujuan untuk memberikan penghayatan dan pengajaran dalam penghayatan Ramadhan.

Ramadhan adalah bulan yang Allah swt janjikan kepada seluruh umat untuk mendapat pahala yang berlipat ganda. Oleh itu, program ini dirancang dan dilaksanakan dengan tujuan untuk mendapatkan keredhaan Allah dan memohon agar ibadah yang dilakukan mendapat ganjaran pahala dari Allah swt. Pengalaman yang ditimba melalui Program Ihya' Ramadhan ini bakal diaplikasikan oleh mereka apabila menempuh alam kedewasaan kelak.

Justeru, atas dasar inilah Pihak Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau mengambil inisiatif menganjurkan program Wacana Ihya' Ramadhan kepada staf Rembau dan



mahasiswa. Program ini dapat memberi input dan penambahbaikan kepada staf dan mahasiswa khususnya untuk melahirkan insan yang cakna dan mengamalkan Islam dengan sempurna.

Antara objektif Wacana Ihya' Ramadhan pada kali ini ialah melatih mahasiswa agar lebih positif dan mempunyai keyakinan diri, menyediakan platform bagi mahasiswa meningkatkan ketaqwaan kepada Allah swt, membantu mahasiswa dalam melaksanakan ibadah puasa dengan sabar dan sempurna. Pendaftaran bermula seawal jam 11:30 pagi di mana para pelajar diedarkan borang penilaian program dan ketibaan



VIP serta para staf diikuti panel jemputan, Ustaz Mohammad Faizul Abdan pada jam 11.45 pagi.

Majlis bermula pada jam 12.00 tengah hari dengan bacaan doa oleh staf UHEI ustaz Sairin Bin Sarlan kemudian diteruskan dengan ceramah yang disampaikan oleh yang berbahagia pen-ceramah jemputan. Sesi penyampaian ceramah berakhir pada jam 12.45 tengah hari. Majlis bersama pen-ceramah jemputan berakhir dengan sesi penyampaian cenderahati kepada pen-ceramah dan pelancaran agihan kurma sempena Ramadhan kepada staf yang disampaikan oleh Dr. Siti Faidul Maisarah Abdullah, Penolong Rektor, UiTM Kampus Rembau, Negeri Sembilan dan diteruskan dengan perasmian tadarus al-Quran bagi semua kakitangan yang ingin memenuhi Ramadhan dengan ibadah tadarus. Sesi tadarus pada tahun ini telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dengan mempunyai 5 buah kumpulan

tadarus dan dianggotai oleh 10-11 orang ahli setiap kumpulan diadakan di tempat-tempat berbeza di dalam kampus.

Kelab AURA dengan kerjasama jawatankuasa AURA telah membeli kurma untuk diagihkan kepada setiap pensyarah mengikut fakulti. Justeru, KPP bagi setiap fakulti dijemput untuk menjadi wakil bagi pengagihan tersebut. Sesuai dengan Ramadhan yang menjelang, Kelab AURA mengucapkan selamat berpuasa kepada semua kakitangan dan semoga tadarus yang dijalankan mendapat sambutan daripada pensyarah-pensyarah walau-pun mempunyai kekangan mengajar. Justeru, adalah sangat diharapkan semoga penerusan program Ihya' Ramadhan ini dapat diteruskan pada masa akan datang di samping perkongsian bacaan tadarus di bulan yang penuh keberkatan semoga mendapat naungan dan rahmat daripada Allah swt.



# Halalkah Cuka Alami yang Anda Makan?

Oleh : Nadya Binti Hajar & Nurul Azlin Tokiman

(Pensyarah Teknologi Makanan Kampus Kuala Pilah)

Terdapat dua jenis cuka yang boleh didapati di pasaran Malaysia iaitu cuka sintetik dan cuka alami (dihasilkan melalui proses penapaian). Antara cuka yang melalui proses penapaian contohnya adalah cuka epal, cuka nipah, cuka nenas dan cuka kurma. Cuka selalunya digunakan sama ada untuk tujuan masakan atau kesihatan. Dalam masakan, ianya digunakan secara meluas dalam

penghasilan jeruk, mayonis, pencicaht salad, sos, minuman dan sebagai penambah perasa makanan.


Cuka alami didefinisikan sebagai cecair yang boleh diminum hasil daripada proses penapaian kanji yang terdapat pada tumbuh-tumbuhan. Kanji akan dipecahkan menjadi gula semasa proses penapaian alkohol diikuti oleh proses penapaian asid asetik yang akhirnya akan



menghasilkan cuka. Cuka mestilah mengandungi sekurang-kurangnya 4% asid asetik. Jika sepanjang proses penapaian tersebut, hasil akhirnya iaitu asid asetik melebihi 4% asid asetik, ia perlulah dicairkan dahulu kepada 4%.

Berdasarkan maklumat ini, pastinya akan tertanya kita berkenaan status cuka yang kita makan terutamanya semasa proses penapaian alkohol. Ya. Proses penapaian alkohol tersebut adalah sama dengan proses yang digunakan untuk penghasilan arak. Proses penapaian alkohol menggunakan 'mother of vinegar' untuk menghasilkan alkohol dengan kehadiran kanji, gula atau kombinasi kanji dan gula. Alkohol yang terhasil akan digunakan untuk pemprosesan seterusnya iaitu proses penapaian asid asetik menggunakan bakteria tertentu. 'Mother of vinegar' adalah bahan campuran antara bakteria asid asetik dan selulosa untuk menghasilkan alkohol ataupun asid asetik melalui proses penapaian. Walaubagaimanapun, penggunaan 'mother of vinegar' adalah diragui kerana penghasilan cuka yang dicampur dengan bendasing.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4 - 6 April 2006 telah membincangkan Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain). Muzakarah telah memutuskan bahawa menggunakan Cuka Wain yang diproses dan dicampur dengan bahan-bahan luar adalah haram. Walaubagaimanapun, sekiranya perubahan daripada cuka wain kepada cuka berlaku dengan sendirinya, maka ia



adalah halal.

Fatwa Kebangsaan 'Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi & Ubat-


ubatan' oleh Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-18 (14-16 Julai 2011) menyatakan bahawa semua minuman arak mengandungi alkohol, akan tetapi bukan semua alkohol adalah arak. Alkohol yang diperolehi dari proses pembuatan arak, hukumnya adalah haram dan najis. Manakala alkohol yang diperolehi bukan melalui proses pembuatan arak, hukumnya tidak najis tetapi haram diminum dalam bentuk aslinya kerana ia adalah racun dan boleh membunuh. Minuman yang di-proses/dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak dan mempunyai alkohol dibawah aras 1%v/v adalah harus (boleh) diminum.

Minuman/makanan yang mengandungi alkohol yang boleh memabukkan turut membawa kepada kemudaratannya kepada diri sendiri dan masyarakat sekeliling. Kemudaratannya yang dimaksudkan adalah seperti kemalangan, kecederaan kepada diri sendiri dan orang lain, keganasan, masalah sosial, masalah kesihatan dan lain-lain.

Selain itu, semasa proses penghasilan cuka, terdapat juga kompaun acetaldehyde yang ter-

hasil dan ia dikategorikan sebagai bahan karsinogenik. Kompaun ini akan terhasil dengan lebih banyak jika proses penapaian alkohol berlaku secara tidak lengkap. Walaubagaimanapun, kompaun ini adalah kompaun yang mudah meruap dan berdasarkan kajian yang telah dijalankan, cuka iaitu produk akhir penapaian asid asetik tidak mengandungi bahan karsinogenik ini.

Bagi memastikan status halal cuka yang diambil, pengguna perlu cakna dan peka kepada label pembungkusan makanan yang dibeli. Selain melihat kepada logo halal, peratusan alkohol, peratusan asid asetik dan bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan cuka tersebut juga perlu dititikberatkan. Jika tiada unsur yang meragukan, ianya adalah harus dimakan.



# Program Islamic Business Interactive Game Tournament (i-BIGT)

Oleh : Athira Ayuni Binti Asmadi


(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)



ACIS Kampus Seremban telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan program i-BIGT bermula dari 14 dan 18 Oktober 2019 bertempat di Bilik Kuliah 14, FSKM, UiTM Kampus Seremban bagi memenuhi keperluan Week Without Wall (WWW) UiTM Negeri Sembilan. Program ini berbentuk pertandingan permainan interaktif board game melibatkan 61 orang pelajar semester 6 FSKM yang mengambil Kursus Islamic Business Transaction (ISB540).

Program ini bertujuan membantu mahasiswa/i yang mengambil kursus ini dalam memberi pendedahan dan memahami aplikasi penggunaan kontrak-kontrak Islam seperti Ar-Rahnu, Wadiah dan sebagainya terutamanya di dalam konteks pengurusan perniagaan Islam serta di dalam urusan seharian supaya selari dengan kehendak syariat Islam. Selain itu, mereka juga di dedahkan dengan aplikasi keperluan waqaf, zakat dan sedekah di dalam permainan ini.

Diharap agar program ini mampu menyuntik nilai positif serta pengurusan kewangan peribadi yang berhemah dalam melahirkan mahasiswa/i yang berjaya di dunia dan di akhirat.



# Puisi “Pensyarah & Penulisan”

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghafim & Nurul Nisha Mohd Shah

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Kampus Rembau)

Catatan pena penyebar maklumat  
Perkara berguna memberi manfaat  
Menjadi rujukan menzahir matlamat  
Kekal ditatap segenap masyarakat

Segera dicatat hasil pemikiran  
Daya ingatan jua hafalan  
Tatkala terlupa diawal dipengakhiran  
Dalam kalam tiada alasan

Demi kebaikan ilmu dikongsi  
Pandangan umum universiti dikenali  
Nikmat berbeza cendekiawan disegani  
Bidang kepakaran disalur diwarisi

Jurnal, buku, prosiding kajian ilmiah  
Medium pemikiran dapatan dipindah  
Terjemahan hasil usaha pensyarah  
Penyampaian ilmu penyelesaian masalah

Tanpa mengharap tanpa balasan  
Hasil nukilan merentasi sempadan  
Pemikiran manusia melalui tulisan  
Idea dikongsi penuh keikhlasan

Bakat dikurnia suatu amanah  
Jadikan tulisan suatu ibadah  
Salurkan kata walau sepatah  
Kerana semuanya hak milik Allah...